

ORIGINAL ARTICLE



KEBERKESANAN PENGGUNAAN PETA ALIR BAGI MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN SEPARA BERPANDU BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN TIGA

THE EFFECTIVENESS OF USING FLOW MAPS TO IMPROVE THE LEVEL OF MASTERY OF MALAY LANGUAGE SEMI-GUIDED ESSAY WRITING SKILLS AMONG THREE YEAR CHINESE STUDENTS

Kwan Hor Yan ¹; Marzni Mohamed Mokhtar ^{*2}

¹ Malay Teacher, Ministry of Education Malaysia, Malaysia

Email: jm41570@student.upm.edu.my

² Department of Language & Humanities Education, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Email: marzni@upm.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/211>

Abstract

This study aims to examine the effectiveness of the use of flow charts to improve the level of mastery of Malay language semi-guided essay writing skills among third year Chinese students. This study uses a quantitative research design through a quasi-experimental approach. The population of this study involved third year Chinese students who are learning Malay as a second language. A total of 60 students were selected as the study sample for a population of 71 students. This study was conducted in a Chinese national type school (SJKC) located in the district of Puchong, Selangor. The research instruments used were pre-test and post-test. The findings of the study showed that the level of mastery of third year Chinese students in pre-test and post-test of semi-guided essay writing skills were different. The findings of this study also found that the use of flow charts is effective in improving the level of mastery of essay writing skills of third year Chinese students. The implication is that the use of thinking tools can help students understand and master the procedure of writing a semi-guided essay in Malay language.

Keywords: flow charts, writing skills, semi-guided essays, Malay, Chinese students.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan peta alir bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa berpandu Bahasa Melayu dalam kalangan murid

Cina Tahun Tiga. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif menerusi pendekatan kuasi-eksperimen. Populasi kajian ini melibatkan murid berbangsa Cina Tahun Tiga yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Seramai 60 orang murid dipilih sebagai sampel kajian bagi populasi yang terdiri daripada 71 orang murid. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) yang terletak di daerah Puchong, Selangor. Instrumen kajian yang digunakan ialah praujian dan pascaujian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid Cina Tahun Tiga dalam praujian dan pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu adalah berbeza. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan peta alir adalah berkesan bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan murid Cina Tahun Tiga. Impikasinya, penggunaan alat berfikir dapat membantu murid memahami dan menguasai tatacara penulisan karangan separa berpandu Bahasa Melayu.

Kata Kunci: peta alir, kemahiran menulis, karangan separa berpandu, Bahasa Melayu, murid Cina

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 18th May 2022, revised 2nd June 2022, accepted 30th June 2022

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil tindakan yang proaktif dalam mengusahakan program *i-Think* dengan tujuan untuk melahirkan insan yang menguasai kemahiran berfikir. Dalam konteks ini, kemahiran berfikir merupakan proses kognitif iaitu perlakuan minda berkaitan cara pemerolehan ilmu (Rajendran, 2017)¹. Kemahiran berfikir dalam sistem persekolahan adalah berdasarkan Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2001)². Penekanan terhadap kemahiran berfikir menyebabkan minda murid digunakan untuk memberikan pandangan yang bernas, membuat keputusan dan menyelesaikan konflik (KPM, 2012)³. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlulah diterapkan dalam pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu. Maka, pendekatan pengajaran yang pelbagai haruslah diaplikasikan oleh guru supaya kemahiran berfikir murid ditingkatkan dalam proses PdPc (Rohaida & Zamri, 2015)⁴.

Bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid, peta pemikiran khususnya peta alir boleh digunakan untuk meningkatkan PdPc bahasa Melayu murid. Melalui penggunaan peta pemikiran, proses pencambahan idea berlaku dalam proses penulisan karangan dan seterusnya dapat meningkatkan pengolahan isi karangan murid (Norliza, Zulkifli & Abdul Munir, 2021)⁵. Pernyataan ini dibuktikan melalui kajian Tengku Fairuse (2015)⁶ yang menunjukkan bahawa penggunaan KBAT adalah berkesan dalam PdPc penulisan karangan bagi murid sekolah rendah. Dengan itu, peta pemikiran ialah wahana yang dapat membantu murid untuk menulis produk penulisan yang berkualiti dan seterusnya mendorong murid lebih rapat dengan kejayaan (Rohaida & Zamri, 2015). Apabila penulisan dihasilkan mengikut tahapnya secara sistematik, murid akan berasa seronok dalam penulisan karangan yang melibatkan pengaplikasian peta pemikiran Oleh hal yang demikian, peta pemikiran yang digunakan di bawah program *i-Think* adalah begitu signifikan untuk membentuk amalan berfikir secara aras tinggi dalam kalangan murid.

Dalam usaha melahirkan murid yang berketerampilan berbahasa Melayu, adalah penting bagi murid menguasai tatacara penulisan dan kemahiran lisan. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di negara Malaysia sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996. Kemahiran menulis turut mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran bertutur dan membaca (Zamri, 2014)⁷. Namun demikian, PdPc kemahiran menulis bahasa Melayu dilabelkan sebagai statik dan membosankan (Zamri, 2012)⁸. Berdasarkan pandangan Suppiah (2017)⁹, kemahiran menulis merupakan asas bagi kepengarangan yang perlulah dikuasai murid. Selanjutnya, karangan separa berpandu merujuk kepada karangan yang memerlukan membuat penerangan dan bimbingan terdahulu dalam proses penulisan. Karangan ini merupakan sebahagian kemahiran menulis yang perlu dikuasai oleh murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun Tiga.

Bagi menyuburkan budaya penulisan prolifik, modul kemahiran menulis yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu dilihat amat signifikan sebagai rujukan pelaksanaan PdPc kepada murid dan guru. Dalam konteks kajian ini, Standard Pembelajaran DSKP yang dijadikan fokus ialah 3.3.1 Menghasilkan kerangka, penulisan karangan naratif, dan bukan naratif secara (ii) separa berpandu. Setelah murid menguasai kemahiran menulis, murid berupaya melahirkan idea masing-masing dengan menggunakan jenis penulisan yang sesuai. Dengan itu, penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir bagi menjana idea perlu dilakukan dalam PdPc bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian iaitu:

1. Mengetahui tahap penguasaan praujian dan pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina Tahun Tiga.
2. Mengetahui keberkesanan penggunaan peta alir bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa berpandu Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina Tahun Tiga.

Hipotesis Kajian

Kajian ini terdiri daripada tiga hipotesis kajian seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan rawatan dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan kuantitatif yang menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen. Penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan yang menunjukkan sesuatu fenomena dalam bentuk nombor dan juga ukuran (Mokhtar Ismail, 2011)¹⁰. Menurut Chua (2021)¹¹ pula, penyelidikan kuantitatif merujuk kepada pelaksanaan penyelidikan melalui kajian eksperimental yang melibatkan pemerolehan dan penganalisan data numerikal dengan ujian statistik.

Persampelan merujuk kepada pengambilan sekumpulan subjek untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi. Menurut Chua (2021), persampelan merupakan proses pemilihan sejumlah subjek daripada populasi kajian untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada murid Cina Tahun Tiga di sebuah sekolah jenis kebangsaan di daerah Puchong, Selangor. Populasi kajian ini berbangsa Cina dan belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Populasi kajian terdiri daripada 71 orang murid.

Penglibatan sampel kajian dibuat berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie R.V. dan Morgan D.W. (1970)¹² iaitu seramai 60 orang murid Tahun Tiga di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di kawasan Selangor telah dipilih dalam kajian ini. Pemilihan sampel secara rawak juga digunakan memandangkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa dikenal pasti tanpa mengira jantina. Malah, adalah menjadi keperluan bagi murid Tahun Tiga mempelajari dan menulis jenis penulisan karangan separa berpandu berdasarkan DSKP Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun Tiga.

Selanjutnya, instrumen kajian merujuk kepada alat yang digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Menurut Azizah (2010)¹³, instrumen kajian ialah alat, cara atau kaedah untuk mengumpulkan data kajian. Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data ialah praujian dan pascaujian, rubrik pemarkahan dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Pembinaan instrumen praujian dan pascaujian adalah berdasarkan DSKP BM Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun Tiga. Praujian diberikan kepada sampel kajian sebelum rawatan iaitu peta alir diperkenalkan dalam penulisan karangan separa berpandu. Ujian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan sampel kajian sebelum peta alir didedahkan. Pascaujian pula dilaksanakan terhadap sampel kajian setelah kumpulan rawatan diberikan rawatan dengan menggunakan peta alir dalam penulisan karangan separa berpandu. Ujian ini bertujuan untuk memperoleh perbezaan tahap penguasaan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Perbezaan tahap penguasaan yang diperoleh kumpulan eksperimen dan kumpulan rawatan dapat dikenal pasti sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi.

Dalam kajian ini, pengumpulan data dimulakan dengan memperoleh kelulusan tajuk kajian daripada pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pihak KPM untuk melaksanakan kajian di sekolah. Pengkaji juga telah mendapatkan kebenaran dan kerjasama daripada pihak sekolah bagi melaksanakan kajian ini yang melibatkan seramai 60 orang murid Tahun Tiga sebagai sampel kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada dua buah kelas murid yang mempunyai tahap pencapaian yang setara. Sampel kajian dari kelas 3A ialah kumpulan rawatan manakala sampel kajian dari kelas 3B ialah kumpulan kawalan.

Dalam pelaksanaan kajian, kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan melaksanakan praujian. Praujian dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa berpandu sampel kajian sebelum peta alir didedahkan. Seterusnya, proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan separa berpandu dilaksanakan sebanyak lima kali. Pengajaran dan pembelajaran itu dilaksanakan berdasarkan RPH yang disediakan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menggunakan intervensi peta alir, manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan separa berpandu. Walaupun kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan kaedah yang berlainan, tetapi kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah sama.

Selepas lima kali sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, pascaujian ditadbirkan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pascaujian dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa berpandu antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penilaian praujian dan pascaujian dilaksanakan berdasarkan Rubrik Pemarkahan Ujian Bahasa Melayu Kemahiran Menulis Tahun Tiga. Melalui pemerolehan data praujian dan pascaujian, proses penganalisan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for The Social Sciences*) versi 26.

Dalam proses penganalisan data, statistik deskriptif digunakan untuk memperoleh kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi iaitu ujian-T juga digunakan dalam kajian ini. Ujian-T digunakan apabila skor min dibandingkan dalam beberapa pemboleh ubah secara berterusan yang didapati dalam dua kumpulan atau dua set data (Pallant, 2011)¹⁴. Ujian-T sampel berpasangan digunakan untuk menjawab hipotesis kajian pertama iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan.

Dalam menjawab hipotesis kedua, ujian-T sampel berpasangan juga digunakan untuk menjawab hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan. Ujian-T sampel berpasangan turut digunakan untuk menjawab hipotesis kajian ketiga iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan rawatan dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan. Ujian-T sampel berpasangan digunakan untuk menguji ketiga-tiga hipotesis ini disebabkan perubahan dalam skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan rawatan diuji pada kali pertama dan kemudian sekali lagi pada kali kedua selepas pelaksanaan intervensi dengan melibatkan sampel yang sama (Pallant, 2011). Dengan itu, hipotesis kajian ini dapat ditentukan sama ada diterima atau ditolak. Oleh itu, statistik penganalisan data dapat digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan peta alir bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan separa berpandu responden kajian.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan analisis data deskriptif bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan praujian dan pascaujian. Analisis data deskriptif yang dilaksanakan ialah analisis data kekerapan praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Analisis ini

bertujuan untuk menjawab tiga objektif kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Dalam analisis data deskriptif, tahap penguasaan (TP) murid yang digunakan terdiri daripada enam tahap iaitu: (i) TP1 dengan peringkat sangat terhad.; (ii) TP2 dengan terhad; (iii) TP3 dengan peringkat memuaskan; (iv) TP4 dengan peringkat baik; (v) TP5 dengan peringkat sangat baik; dan (vi) TP6 dengan peringkat cemerlang.

Analisis Data Deskriptif

Dapatan analisis data min dan sisihan piawai adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid Cina Tahun Tiga dalam praujian dan pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu. Jadual 1 menunjukkan analisis data min dan sisihan piawai dalam praujian dan pascaujian.

Jadual 1

Analisis Data Min dan Sisihan Piawai dalam Praujian dan Pascaujian

Kumpulan	Jenis Ujian	Min	Sisihan Piawai
Rawatan	praujian	5.867	2.646
	pascaujian	8.533	2.345
Kawalan	praujian	5.867	2.760
	pascaujian	6.433	2.991

Jadual 1 menunjukkan analisis data min dan sisihan piawai praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai min praujian adalah lebih rendah berbanding dengan nilai min pascaujian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mempunyai nilai min yang sama iaitu 5.867 dalam praujian. Dalam pascaujian, nilai min bagi kumpulan rawatan ialah 8.533 dan nilai min bagi kumpulan kawalan ialah 6.433. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan min antara praujian dengan pascaujian bagi kumpulan rawatan adalah lebih ketara jika berbanding dengan kumpulan kawalan. Maka, skor keseluruhan pascaujian adalah lebih tinggi jika berbanding dengan praujian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa nilai sisihan piawai adalah berbeza. Bagi kumpulan rawatan, nilai sisihan piawai praujian ialah 2.646 dan nilai sisihan piawai pascaujian ialah 2.345. Bagi kumpulan kawalan pula, nilai sisihan piawai praujian ialah 2.760 dan nilai sisihan piawai pascaujian ialah 2.991. Nilai sisihan piawai kumpulan rawatan dalam pascaujian adalah paling rendah iaitu 2.345. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa taburan markah pascaujian bagi kumpulan rawatan sangat berhampiran antara satu sama lain jika berbanding dengan kumpulan kawalan. Maka, skor pascaujian bagi kumpulan rawatan adalah lebih berhampiran jika berbanding dengan kumpulan kawalan.

Analisis Hipotesis Kajian

Ho1 dalam kajian ini adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan. Jadual 2 menunjukkan ujian-T dalam menguji perbezaan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan.

Jadual 2

Ujian-T Sampel Padanan antara praujian dengan pascaujian bagi kumpulan rawatan

Jenis Ujian	N	Min	Sisihan Piawai	Sig. (2-tailed)	t
praujian	30	5.867	2.646	0.000	-12.411
pascaujian		8.533	2.345		

Berdasarkan jadual 2, skor min dan sisihan piawai praujian ialah 5.867 dan 2.646 manakala skor min dan sisihan piawai pascaujian ialah 8.533 dan 2.345 bagi kumpulan rawatan yang terdiri daripada 30 orang. Skor min pascaujian adalah lebih tinggi jika berbanding dengan skor min praujian dalam kumpulan rawatan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawaterdapat peningkatan skor min yang banyak selepas kumpulan rawatan melaksanakan proses rawatan dengan peta alir dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu. Oleh itu, perbezaan yang signifikan didapati antara praujian dengan pascaujian dalam kumpulan rawatan.

Di samping itu, nilai t dalam ujian ini adalah -12.411 dan nilai signifikan (*2-tailed*) yang diperoleh adalah 0.000. Nilai $p = 0.000$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Maka, pemerolehan nilai ini bermaksud wujudnya perbezaan yang signifikan antara praujian dengan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Jelaslah, bahawa kaedah rawatan yang digunakan iaitu peta alir dapat mempengaruhi kumpulan rawatan dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu. Justeru, hipotesis pertama ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan.

Ho2 dalam kajian ini adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan. Jadual 3 menunjukkan ujian-T dalam menguji perbezaan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan.

Jadual 3

Ujian-T Sampel Padanan antara praujian dengan pascaujian bagi kumpulan kawalan

Jenis Ujian	N	Min	Sisihan Piawai	Sig. (2-tailed)	t
praujian	30	5.867	2.760	0.001	-3.574
pascaujian		6.433	2.991		

Berdasarkan jadual 3, skor min dan sisihan piawai praujian ialah 5.867 dan 2.760 manakala skor min dan sisihan piawai pascaujian ialah 6.433 dan 2.991 bagi kumpulan kawalan yang terdiri daripada 30 orang. Skor min pascaujian adalah sedikit tinggi jika berbanding dengan skor min praujian dalam kumpulan kawalan. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min yang sedikit selepas kumpulan kawalan melaksanakan kaedah konvensional dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu. Oleh itu, perbezaan yang sedikit didapati antara praujian dengan pascaujian dalam kumpulan kawalan.

Selain itu, nilai t dalam ujian ini adalah -3.574 dan nilai signifikan (2-tailed) yang diperoleh adalah 0.001. Nilai $p = 0.001$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Maka, pemerolehan nilai ini bermaksud wujudnya perbezaan yang signifikan antara praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan. Jelaslah bahawa kaedah konvensional dapat mempengaruhi kumpulan kawalan dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu. Oleh itu, hipotesis kedua ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan.

H_03 dalam kajian ini adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan rawatan dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan. Jadual 4 menunjukkan ujian-T dalam menguji perbezaan skor min pascaujian antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Jadual 4

Ujian-T Sampel Padanan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan

Jenis Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Sig. (2-tailed)	t
rawatan	30	8.533	2.345	0.006	2.992
kawalan		6.433	2.991		

Berdasarkan jadual 4, skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan ialah 8.533 manakala skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan ialah 6.433. Skor min kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan skor min kumpulan kawalan. Oleh itu, jumlah skor keseluruhan pascaujian kumpulan rawatan adalah lebih tinggi daripada jumlah skor keseluruhan pascaujian kumpulan kawalan.

Nilai sisihan piawai bagi kumpulan rawatan ialah 2.345 manakala nilai sisihan piawai bagi kumpulan kawalan ialah 2.991. Dapatan ini menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan nilai sisihan piawai antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Nilai sisihan piawai kumpulan rawatan lebih menghampiri nilai min jika berbanding dengan kumpulan kawalan. Maka, peningkatan tahap penguasaan kumpulan rawatan adalah lebih tinggi jika berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan analisis turut menunjukkan bahawa nilai t bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan ialah 2.992 manakala nilai signifikan (2-tailed) ialah 0.006. Nilai $p = 0.006$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Maka, pemerolehan nilai ini bermaksud wujudnya perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan rawatan dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan. Jelaslah bahawa peta alir yang digunakan dapat

mempengaruhi kumpulan rawatan dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu. Oleh itu, hipotesis ketiga ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan rawatan dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan.

Perbincangan

Melalui dapatan kajian ini, tahap penguasaan murid Cina Tahun Tiga dalam praujian kemahiran menulis karangan separa berpandu menunjukkan TP3 Memuaskan. Hal ini demikian kerana kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mempunyai nilai min 5.867 dalam praujian. Kebanyakan murid memperoleh TP3 Memuaskan dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu iaitu markahnya antara 5 hingga 6. Dapat disimpulkan bahawa penghasilan karangan separa berpandu berada pada tahap memuaskan dengan penyampaian secara mudah, ayat lengkap tetapi kurang gramatis, kosa kata terhad dan sesuai serta sedikit kesalahan ejaan dan tanda baca didapati.

Selain itu, tahap penguasaan kumpulan rawatan dalam pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu menunjukkan TP5 Sangat Baik. Hal ini demikian kerana kumpulan rawatan mempunyai nilai min 8.533 dalam pascaujian. Kebanyakan murid memperoleh TP5 Sangat Baik dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu iaitu markahnya hampir dengan 9. Penghasilan karangan separa berpandu adalah pada tahap terperinci dengan penyampaian secara jelas dan baik, ayat sedikit gramatis, kosa kata luas dan sesuai serta penggunaan ejaan dan tanda baca yang betul.

Namun demikian, tahap penguasaan kumpulan kawalan pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu masih menunjukkan TP3 Memuaskan. Hal ini demikian kerana kumpulan kawalan mempunyai nilai min 6.433 dalam pascaujian. Kebanyakan murid memperoleh TP3 Memuaskan dalam kemahiran menulis karangan separa berpandu iaitu markahnya hampir dengan 6. Jadi, penghasilan karangan separa berpandu adalah pada tahap memuaskan dengan penyampaian secara mudah, ayat lengkap tetapi kurang gramatis, kosa kata terhad dan sesuai serta sedikit kesalahan ejaan dan tanda baca didapati.

Dapatan kajian pertama menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid Cina Tahun Tiga dalam praujian dan pascaujian kemahiran menulis karangan separa berpandu adalah berbeza. Tahappenguasaan kemahiran menulis murid Cina dapat ditingkatkan menerusi penggunaan peta alir. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Noor Hidayu dan Yahya (2016)¹⁵ yang menunjukkan bahawa penggunaan peta alir dalam pengajaran dan pembelajaran berupaya meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan naratif murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina. Dapatan kajian ini turut disokong dengan kajian Ahmad Fikri dan Zamri (2019)¹⁶ yang mendapati bahawa teknik lakaran bersama peta alir dapat meningkatkan pencapaian karangan autobiografi bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan peta alir dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran menulis murid.

Sementara itu, tahap penguasaan murid dalam kemahiran menulis didapati meningkat melalui penggunaan peta pemikiran. Norliza, Zulkifli dan Abdul Munir (2021) membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran dan pemudahcaraan karangan berjaya meningkatkan skor karangan murid. Kajian ini selari dengan kajian Rohaida dan Zamri (2015) yang mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran dapat mendorong peningkatan pencapaian penulisan bahasa Melayu murid. Maka, penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid.

Dapatan kajian kedua menunjukkan bahawa peta alir berkesan untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan murid bagi aspek penjanaan idea murid. Dapatan ini dilihat selari dengan dapatan kajian Ahmad Fikri dan Zamri (2019). Melalui penggunaan peta alir, kemahiran menjana idea murid ditingkatkan dalam penulisan karangan yang mendorong murid menulis karangan yang panjang malahan ada kesatuan idea antara perenggan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi kajian Norliza, Zulkifli dan Abdul Munir (2021) bahawa peta pemikiran yang digunakan dalam pengajaran karangan dapat meningkatkan markah isi dan pengolahan isi karangan murid kerana membenarkan proses pencambahan idea berlaku. Dengan pemerolehan markah isi yang tinggi, markah karangan murid dapat ditingkatkan secara tidak langsung. Penghasilan karangan yang berkualiti dengan pengolahan isi yang bernas berupaya meningkatkan keberkesanan kemahiran menjana idea murid dalam menulis karangan separa berpandu (Ahmad Fikri & Zamri, 2019).

Di samping itu, peta alir dapat mendorong pengolahan karangan separa berpandu yang lebih baik. Kajian Anthony dan Yahya (2017)¹⁷ telah mendapati bahawa pencapaian murid dalam penulisan meningkat dari aspek kerelevanan dan pengolahan dengan penggunaan peta pemikiran. Aspek kerelevanan diperlihatkan dengan peta pemikiran mendorong murid untuk menulis pendahuluan dengan lebih baik, mengenal pasti isi dengan lebih tepat dan menulis kesimpulan karangan dengan jelas. Aspek pengolahan pula diperlihatkan dengan peta pemikiran mendorong penulisan murid yang menitikberatkan aspek kohesi dan koheren dalam pengolahan karangan dapat diolah dengan baik (Anthony & Yahya, 2017). Maka, penggunaan peta alir berkesan dalam peningkatan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan murid adalah disebabkan peta pemikiran dapat meningkatkan pencapaian murid dari segi kerelevanan dan pengolahan karangan.

Malah, kajian Rohaida dan Zamri (2015) jelas membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran dalam penulisan berupaya meningkatkan penguasaan murid dalam pengolahan isi karangan. Melalui kajian ini, penggunaan peta pemikiran dalam penulisan merupakan kaedah yang dapat merangsang murid untuk mengemukakan isi karangan dan menyusunnya sehingga mencipta karangan yang terdiri daripada ayat yang gramatis (Rohaida & Zamri, 2015). Oleh itu, keberkesanan penggunaan peta alir dalam peningkatan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan murid adalah disebabkan peta pemikiran dapat mendorong pengolahan isi karangan dilakukan murid dengan baik.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa peta alir adalah berkesan dalam peningkatan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu murid. Pengaplikasian peta pemikiran dalam penulisan penting dalam usaha membentuk murid yang berketerampilan dalam menggunakan bahasa Melayu dan menguasai kemahiran berfikir secara aras tinggi dalam sistem pendidikan kini. Hal ini adalah kerana penggunaan peta pemikiran mendorong murid mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam PdPc penulisan dengan lebih berkesan. Dalam konteks ini, peta pemikiran yakni peta alir dijadikan sebagai wadah dalam peningkatan kemahiran menulis murid. Penulisan yang dihasilkan murid menjadi berkualiti jika kemahiran berfikir dapat ditingkatkan murid dengan peta alir dalam pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, peta alir yang digunakan dalam penulisan bahasa Melayu adalah signifikan dalam usaha meningkatkan penulisan karangan bahasa Melayu murid Cina Tahun Tiga.

References:

1. N.S. Rajendran. (2017). *Pengajaran & penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi: Teori & amalan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
2. Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives*. New York: Longman.
3. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Program i-Think: Membudayakan kemahiran berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
4. Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan peta pemikiran (*i-THINK*) dalam meningkatkan pencapaian penulisan bahasa Melayu murid tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2): 31-37.
5. Norliza Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail. (2021). Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid tahun lima. *MANU*, 32(1): 1-17.
6. Tengku Fairuse Tengku Hassan (2015). Tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
8. Zamri Mahamod. (2012). *Inovatif P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
9. Suppiah Nachiappan. (2017). *Bahasa Melayu dalam KSSR: Peningkatan kognisi dalam lisan, bacaan, penulisan dan penaakulan*. Perak: Penerbit Universiti Sultan Idris.
10. Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Chua Yan Piaw. (2021). *Kaedah penyelidikan edisi keempat*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
12. Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.

13. Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kuantitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
14. Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using the SPSS program (4th Edition)*. Berkshire: Allen & Unwin.
15. Noor Hidayu Mohd Rahim & Yahya Othman. (2016). Keberkesanan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan penulisan karangan naratif murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 68- 77.
16. Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir *I-Think* meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 12-22.
17. Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017) Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 44-55.